

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA
[PARIT BUNTAR - PAS]**

TARIKH : 10 JUN 2015 (RABU)

SOALAN (NO. 28)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang disalurkan kepada Badan Bukan Kerajaan (NGO) seperti Majlis Belia Malaysia dan apakah program yang mereka laksanakan yang memberikan manfaat kepada belia dalam negara.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan telah menyediakan bantuan kewangan kepada pertubuhan belia melalui bantuan pentadbiran dan bantuan aktiviti sebanyak RM 9.6 juta bagi tahun 2015. Bantuan kewangan ini disediakan kepada mereka melalui bantuan pentadbiran, bantuan aktiviti dan juga insentif penarafan 5 bintang.
2. Menerusi bantuan kewangan tersebut, pertubuhan belia ini dapat memanfaatkan golongan belia menerusi pelbagai program berkonsepkan ekonomi, keusahawanan, patriotisme, kesukarelawanan, pendidikan dan kebudayaan.

Sekian, terima kasih.